

02 MAY 1999

Azizah-Azim

WAN AZIZAH CUBA SERAPKAN TAKTIK GERAKSARAF CORAZON AQUINO

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Presiden parti Keadilan Nasional, Datin Seri Wan Azizah Ismail kini cuba menyerapkan taktik geraksaraf dan psikologi perjuangan bekas presiden Filipina, Corazon Aquino di Malaysia bagi mencapai agenda perjuangannya.

Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Abdul Azim Mohd Zabidi berkata Wan Azizah mengubah taktik setelah mendapati rakyat kebanyakan menolak pemberontakan ganas yang cuba dicetuskan.

Taktik Wan Azizah menjadi ketara apabila beliau melakukan lawatan ke Filipina bagi mendapatkan sokongan dari kepimpinan negara itu baru-baru ini, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Abdul Azim berkata Wan Azizah ke Filipina kerana tidak mendapat sokongan masyarakat Malaysia bagi membantu beliau melepaskan suaminya, bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini menjalani hukuman enam tahun penjara kerana kesalahan rasuah.

"Wan Azizah mula tahu rakyat Malaysia menolak pemberontakan yang ganas kerana mereka cintakan keamanan, perpaduan dan kemajuan tanahair," katanya.

Abdul Azim berkata pemergian Wan Azizah ke Filipina itu mendapat restu parti pembangkang lain.

Semasa di Filipina Wan Azizah yang bertemu dengan Corazon, dilaporkan telah menyamakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan bekas presiden Filipina Ferdinand Marcos.

Setelah menerima kecaman kerana kenyataan itu, Wan Azizah yang juga mengadakan pertemuan dengan presiden Joseph Estrada, semalam menafikan beliau ada membuat kenyataan seumpama itu.

Katanya beliau ke Filipina untuk menerima anugerah Malalos, untuk memperingati sekumpulan wanita yang menentang penjajah Sepanyol.

--BERNAMA

ARA WAT